

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, May 15, 2018 12:02 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: PERTANDINGAN DEBAT MILENIA 2018 ANJURAN PERSATUAN ITECH BERSAMA KELAB UCAP



**Pejabat Pembangunan
Pelajar dan Alumni**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE

Universiti Utara Malaysia

15 MEI 2018 / 29 SYAABAN 1439H

=====

"UUM:UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PERTANDINGAN DEBAT MILENIA 2018 ANJURAN PERSATUAN ITECH BERSAMA KELAB UCAP

SINTOK: Pada 6-7 April 2018, telah berlangsung satu pertandingan iaitu Debat Milenia 2018 yang dianjurkan oleh Persatuan Information Technology UUM Association (ITECH) Bersama Kelab Pengucapan Awam UUM (UCAP) yang bertempat di Dewan Auditorium CAS dan DKG 4, Universiti Utara Malaysia. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pengarah program iaitu Maizatul Fatimah Binti Salleh dan ahli jawatankuasa yang lain kerana berjaya melaksanakan program ini dengan jayanya.



Seramai 21 pelajar dari pelbagai pusat pengajian telah menyertai program ini. Program ini disertai oleh Pusat Pengajian Undang-undang, Pusat Pengajian Pengkomputeran, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Pusat Pengajian Antarabangsa, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kelab Beta Gamma Sigma dan satu pasukan mewakili Institut

Perguruan Darulaman ,Jitra. Program ini bertujuan untuk mencungkil bakat mahasiswa dan mahasiswi di institut pengajian tinggi untuk mengutarakan pendapat mereka secara spontan.

Di dalam program ini, para peserta memberi kesedaran tentang isu semasa khususnya berkaitan teknologi melalui usul yang dibentangkan. Antara usul yang diperdebatkan ialah usul “Dewan ini menyokong E-sukan disenaraikan di Sukan Olimpik 2024”. Selain itu, usul “Dewan ini percaya bahawa teknologi blockchain di dalam pilihanraya dapat menjamin pilihan raya yang lebih telus” telah diterima dewan sekaligus menobatkan Pusat Pengajian Undang-undang sebagai Johan Pertandingan Debat Millenia 2018.



Berdasarkan maklum balas yang diperolehi, program ini mendapat pujian daripada dekan pembangunan pelajar dan alumni, dekan pusat pengajian, pensyarah dan peserta-peserta yang turut hadir. Diakhir program, Dr. Massudi Mahmuddin, Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni CAS memberi maklum balas yang positif dan meminta pihak penganjur bagi mengadakan program ini pada masa akan datang.

Program ini turut dihadiri oleh Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, En. Muhammad Hafiz Bin Badarulzaman , Pengarah Pusat Alumni UUM dan Pengarah Unit Debat, Advokasi, dan Oratori, Dr. Mohd Farhan Mohsin, Timbalan Dekan Pembangunan dan Alumni CAS, En Suwannit Chareen Chit A/L Sop Chit, Penasihat Persatuan Information Technology UUM Association (ITECH). En Suwannit Chareen Chit A/L Sop Chit juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada pengarah program dan semua ajk yang terlibat kerana bersungguh-sungguh menjalankan program ini sehingga berjalan dengan lancar.

Tamat.

=====
Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my




Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.